

AS perlu terima hakikat: Dr M

846 MAY 2001

MELAKA: Amerika Syarikat perlu menerima hakikat selepas gagal mendapat satu daripada tiga kerusi yang diperuntukkan kepada negara Barat dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kalau mengikut demokrasi, keputusan pemilihan hendaklah diterima sama ada kalah atau menang.

"Ini adalah keputusan mereka yang mengundi dengan memilih negara yang layak menduduki suruhanjaya berkenaan.

"Mereka berpendapat, mereka harus memilih negara lain dan tidak boleh dikatakan ini tidak adil kerana kalau dapat pula dikatakan adil," katanya kepada selepas Perhimpunan Perdana Warga Gerak Khas di Kem Sungai Udang dekat sini, semalam.

Kelmarin, Amerika Syarikat yang selama ini bermegah kononnya sebagai jaguh hak asasi manusia, kehilangan kerusinya dalam badan hak asasi manusia utama PBB.

Ini berikutan, pengundian untuk mendapatkan tiga kerusi yang diperuntukkan kepada negara Barat dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB. Perancis memperoleh 52 undi, Austria 41 undi, Sweden 32 undi dan Amerika Syarikat hanya 29 undi.

Dr Mahathir berkata, sama ada puas hati atau tidak puas hati atau pun kalah rasa tidak puas hati, adalah proses demokrasi.

Ini adalah penilaian orang yang memutuskan perkara itu dan ada orang lain yang lebih layak untuk menduduki kerusi suruhanjaya berkenaan, katanya.

Mengenai penghapusan levi 10 peratus ke atas keuntungan daripada dana portfolio yang dihan-

tar pulang ke luar negara, berkuatkuasa serta merta, Rabu lalu, Perdana Menteri, berkata kerajaan Malaysia pragmatik dan fleksibel.

Katanya, kerajaan mendapati levi yang dikenakan itu tidak berkesan dan tidak guna dkekalkan kerana pungutan yang diperoleh sedikit saja.

"Mulanya, 10 peratus levi atas penjualan saham dan lepas itu, cuma keuntungan dikenakan.

"Keuntungan ini pun tidak berapa banyak dan kerajaan setuju levi ini dimansuhkan," katanya.

Mengenai keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meneruskan picket pada 12 Mei ini kerana tidak berpuas hati terhadap penjelasan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Dr Mahathir berkata, tindakan begitu tidak akan dapat apa-apa, kecuali menimbulkan ketegangan.

"Bagi saya tidak berfaedah dan tidakkah dia fikir dengan cara berpiket itu, kita terpaksa tunduk kepada dia," katanya.

Beliau berkata, kalau begitu caranya, adalah menyusahkan kerana menggunakan paksaan.

Sebaliknya, tegas beliau, kerajaan tidak menggunakan paksaan tetapi suka cara rundingan.

Mengenai penjajahan ekonomi, Dr Mahathir berkata, perkara itu yang pernah dikatakan dua setengah tahun lalu, sekarang diakui pula oleh ketua ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz sebagaimana dilaporkan oleh akhbar *New Straits Times*.

Katanya, Stiglitz menyatakan apa yang dilakukan oleh Bank Dunia boleh ditafsirkan sebagai rasuah seperti menjual harta kerajaan dalam proses penswastan, pemimpin kerajaan dalam negara membangun mungkin dapat sebahagian bagi dirinya.